



Ruj. Kami : JPA.100-1/5/1 (65)
Tarikh : 14 Julai 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN STATUS PENDAFTARAN DAN VAKSINASI PEGAWAI AWAM
DALAM PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat edaran JPA.BK(S)256/6/36 Jld. 11 (23) bertarikh 29 Mac 2021 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, Jabatan ini sedang mengumpulkan maklumat untuk melihat sejauh mana pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan telah dilaksanakan terhadap pegawai awam. Oleh itu, satu soal selidik bagi tujuan tersebut telah dibangunkan seperti di pautan berikut:

<https://forms.gle/BBXfNFHP1mM47xCeA>

3. Sehubungan itu, pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dimohon untuk membantu menjawab dan mengedarkan pautan soal selidik tersebut untuk diisikan oleh semua pegawai awam di Kementerian/Jabatan/Agensi masing-masing. Semua pegawai awam adalah **DIWAJIBKAN** untuk mengisi soal selidik ini yang boleh dicapai **sehingga 25 Julai 2021**.

Status pendaftaran dan vaksinasi pegawai awam ini akan dilaporkan secara berkala kepada Pengurusan Tertinggi bagi tujuan pemantauan berterusan.


Sekian, terima kasih.

“PENERAJU PEMBAHARUAN, PENGGERAK PERUBAHAN”

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK ABD SHUKOR MAHMOOD)

Bahagian Perkhidmatan

Jabatan Perkhidmatan Awam

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam